



**GARIS PANDUAN PENGELUARAN
PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN
SIJIL EKSPORT SEMULA CITES BAGI
SPESIES TERJADUAL TUMBUHAN DARATAN YANG
DIBIAKKAN SECARA BUATAN**



**BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
2023**

	BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN	No. Salinan	12/12
		Bilangan Muka Surat	65
		Bilangan Semakan	0
		Tarikh Kuatkuasa	1 Julai 2023
Tajuk	GARIS PANDUAN PENGELUARAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES BAGI SPESIES TERJADUAL TUMBUHAN DARATAN YANG DIBIAKKAN SECARA BUATAN	Tarikh Akhir Kemaskini	
Pemilik Garis Panduan	UNIT PERAKUAN FITOSANITASI DAN CITES	Kelulusan	1 Julai 2023


**GARIS PANDUAN PENGELUARAN PERMIT IMPORT/
EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES BAGI
SPESIES TERJADUAL TUMBUHAN DARATAN
YANG DIBIAKKAN SECARA BUATAN**

**BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
2023**

KATA PENGHANTAR

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pegawai Pemeriksa berhubung prosedur kerja pengeluaran Permit Import/ Eksport/ Sijil Eksport Semula CITES bagi spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686). Ia juga sebagai panduan kepada pelanggan yang ingin memohon Permit atau Sijil CITES.

Disemak dan diluluskan untuk penggunaan,



.....
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian

Tarikh: *01 Julai 2023*

Jadual 1: Rekod Pindaan Garis Panduan Permohonan Permit dan Sijil CITES

Bil	Keluaran/ Pindaan	Tarikh	Keterangan Pindaan	Perkara/ Muka Surat	Diluluskan oleh

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENGHANTAR	i
REKOD PINDAAN GARIS PANDUAN	ii
KANDUNGAN	iii – iv
SENARAI LAMPIRAN	v – vi
SENARAI JADUAL	vi
TAKRIFAN	vii – viii
1.0 TUJUAN	1
2.0 SKOP PENGGUNAAN DAN KAWALAN GARIS PANDUAN	1
2.1 Skop Penggunaan Garis Panduan	1
2.2 Penerbitan dan Semakan Semula Garis Panduan	1 – 2
2.3 Kawalan Dokumen	2
2.4 Penyebaran Dokumen	2 – 3
3.0 PENGENALAN CITES	3
4.0 PERMIT/ SIJIL CITES	4 – 5
5.0 KUASA PERUNDANGAN	6
6.0 PEMAKAIAN	7
7.0 ETIKA KERJA PEGAWAI PEMERIKSA	7
7.1 Hubungan dengan Pelanggan	7 – 8
7.2 Hubungan Sesama Rakan Sekerja dan Pihak Atas	8
7.3 Prestasi Tugas dan Kewajipan Sebagai Pegawai Pemeriksa	8 – 9
7.4 Kelakuan dan Kepentingan Peribadi	9
8.0 DOKUMEN IMPORT/EKSPORT SEMULA JABATAN PERTANIAN DI BAWAH KONVENSYEN CITES	9
8.1 Permit / Sijil CITES	10
8.2 Permit Khas	10

9.0	PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT/ SIJIL EKSPORT SEMULA CITES	10
9.1	Kaedah Permohonan	10
9.2	Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Permit/ Sijil CITES	11 – 12
9.3	Panduan Kod Bagi Permohonan Permit/ Sijil secara atas talian	12
10.0	PEMERIKSAAN BAGI PERMIT EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES	12 – 13
11.0	KELULUSAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES	13 – 14
12.0	KADAR BAYARAN	14
13.0	SAH LAKU PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES	14 – 15
14.0	PEMBATALAN PADA PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES	15
15.0	KONSAINAN IMPORT/ EKSPORT	15
15.1	Pengimportan Konsainan CITES	15 – 16
15.2	Pengeksportan Konsainan CITES	16
16.0	SENARAI SEMAK UNTUK KELULUSAN	17
17.0	PEJABAT PENGELUAR	17
18.0	PENUTUP	19
19.0	RUJUKAN	20
20.0	PENGHARGAAN	21 – 22

SENARAI LAMPIRAN**MUKA
SURAT**

Lampiran 1	: Jadual Pertama [Subseksyen 6(1)] Pihak Berkuasa Pengurusan	23
Lampiran 2	: Jadual Ketiga: (Seksyen 3) Spesies Terjadual	24 – 43
Lampiran 3	: Label Keselamatan	44
Lampiran 4a	: Senarai Pintu Masuk Rasmi Yang Dibenarkan	45
Lampiran 4b	: Senarai Pintu Keluar Rasmi Yang Dibenarkan	46
Lampiran 5	: Contoh Permit Khas	47
Lampiran 6a	: Proses Kerja Pengeluaran Permit Import CITES	48
Lampiran 6b	: Proses Kerja Pengeluaran Permit Eksport CITES	49
Lampiran 6c	: Proses Kerja Pengeluaran Sijil Eksport Semula CITES	50
Lampiran 7a	: Carta Alir Proses Permohonan Permit Import CITES Bagi Tumbuhan Daratan Yang Dibiakkan Secara Buatan	51
Lampiran 7b	: Carta Alir Proses Permohonan Permit Eksport CITES Bagi Tumbuhan Daratan Yang Dibiakkan Secara Buatan	52
Lampiran 7c	: Carta Alir Proses Permohonan Sijil Eksport Semula CITES Bagi Tumbuhan Daratan Yang Dibiakkan Secara Buatan	53
Lampiran 8a	: Contoh Permit Import CITES	54
Lampiran 8b	: Contoh Permit Eksport CITES	55
Lampiran 8c	: Contoh Sijil Eksport Semula CITES	56
Lampiran 8d	: Contoh Lampiran CITES	57
Lampiran 9	: Contoh Tandatangan Pegawai Yang Diberi Kuasa Menandatangani Permit CITES	58
Lampiran 10a	: Contoh Flora Yang Perdagangannya Dikawal Di Bawah CITES (Apendiks I)	56
Lampiran 10b	: Contoh Flora Yang Perdagangannya Dikawal Di Bawah CITES (Apendiks II)	57
Lampiran 10c	: Contoh Flora Yang Perdagangannya Dikawal Di bawah CITES (Apendiks III)	58

Lampiran 11	: Contoh Spesimen Yang Tidak Memerlukan Permit Import/ Eksport/ Sijil Eksport Semula CITES	59
Lampiran 12	: Surat Pindaan Jadual Pertama dan Kedua Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008	60 – 61
Lampiran 13	: Panduan Kod Bagi Permohonan Permit dan Sijil CITES Secara Atas Talian	62

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual	Muka Surat
Jadual 1	: Rekod Pindaan Garis Panduan Permohonan Permit dan Sijil CITES	ii
Jadual 2	: Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Permit dan Sijil CITES	11
Jadual 3	: Senarai Pejabat Pengeluar Permit Import/ Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES	18

TAKRIFAN

Akta 686	Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008.
Apendiks I, II, III	Merujuk kepada Lampiran I, II, dan III dalam Jadual Ketiga (Seksyen 3, Akta 686).
CITES	<i>Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora</i> (Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam).
Dibiakkan secara buatan	Merujuk kepada apa-apa (a) tumbuhan, ertinya tumbuhan yang tumbuh di bawah keadaan terkawal daripada biji benih, keratan, bahagian, tisu kalus atau tisu lain, spora atau propagul lain yang sama ada dikecualikan atau telah dihasilkan daripada stok induk yang ditanam.
Dokumen Sokongan	Apa-apa dokumen yang berkaitan dan diperlukan untuk tujuan pengeksportan, pengeksportan semula atau pengimportan. Dokumen ini termasuk permit import tumbuhan, lesen, permit khas, surat/permit kebenaran membawa keluar tumbuhan daratan dari hutan, sijil asal, sijil fitosanitasi dan lesen eksport tumbuhan.
Eksport	Membawa atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut, perairan dalaman atau udara apa-apa spesies terjadual, tetapi tidak termasuk eksport semula.
Eksport Semula	Pengeksportan apa-apa spesies terjadual yang sebelum ini telah diimport.
IATA	<i>International Air Transport Association</i> (Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa)
Import	Membawa atau menyebabkan supaya dibawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan dalaman atau udara apa-apa spesies terjadual selain apa-apa spesies terjadual dalam persinggahan di Malaysia.
Jabatan Pertanian	Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia dan Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan.
MAQIS	<i>Malaysian Quarantine and Inspection Services</i> (Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia)

Pegawai Pelulus (Approver)	Pengarah dan mana-mana pegawai pemeriksa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 untuk tujuan mengesahkan dan meluluskan serta menandatangani dan membatalkan permit import/ eksport atau sijil eksport semula/ sijil pembiakan secara buatan (artificial propagated) CITES.
Pegawai Pemeriksa (Verifier)	Mana-mana pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pertanian untuk tujuan pemeriksaan dan memproses permit import/ eksport atau sijil eksport semula/ sijil pembiakan secara buatan (artificial propagated) CITES.
Pelanggan	Meliputi pengguna, pemohon, pengimport, pengeksport, agen penghantaran (forwarding agent) dan individu termasuk warga asing.
Permit	Satu Permit Import / Eksport CITES yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.
Pihak Berkuasa Pengurusan	Seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama (Lampiran 1: Jadual Pertama: Senarai Pihak Berkuasa Pengurusan) di bawah Akta 686.
Sijil	Satu Sijil Eksport Semula CITES yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.
Survivality	Kemandirian (survivality) ialah penerusan hidup atau pengekalan spesies di alam ini.

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan sebagai rujukan kepada pegawai dan pelanggan Jabatan Pertanian mengenai prosedur pengeluaran Permit Import/ Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES bagi spesis terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) serta Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES). Penyediaan garis panduan ini diharapkan dapat membantu dan memudahkan pegawai dan pelanggan Jabatan dalam urusan perdagangan antarabangsa bagi spesis tersebut.

2.0 SKOP PENGGUNAAN DAN KAWALAN GARIS PANDUAN

2.1 Skop Penggunaan Garis Panduan

Garis panduan ini menyediakan panduan untuk kegunaan dalam permohonan dan pengeluaran Permit Import / Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES bagi spesis terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga Akta 686.

Garis panduan ini menetapkan tatacara bagi memastikan Permit dan Sijil CITES yang dikeluarkan adalah sah serta berintegriti selaras dengan keperluan Akta 686 dan Konvensyen CITES.

2.2 Penerbitan dan semakan semula garis panduan

Penerbitan dan semakan semula garis panduan ini dikawal oleh Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

Apabila garis panduan ini disemak semula, perkara yang disemak perlu diterbitkan secara keseluruhan bersama nombor semakan yang baharu, dengan mengenalpasti status dan tarikh penerbitan bagi setiap perkara berkenaan. Garis panduan yang telah disemak akan diterbitkan dan diedar kepada setiap pemegang salinan seperti yang disenaraikan dalam **perkara 2.4** 'Penyebaran Dokumen'.

Pemegang salinan garis panduan ini mesti mengeluarkan perkara yang sudah tidak digunakan lagi dan menggantikannya dengan perkara yang telah disemak bersama dengan nombor semakan yang baharu.

2.3 Kawalan dokumen

Rekod Pindaan Garis Panduan (**Jadual 1**) disediakan bagi merekodkan pindaan terkini semua perkara dalam garis panduan ini. Pemegang salinan garis panduan ini bertanggungjawab bagi memastikan semua perkara dalam garis panduan ini berada pada status terbitan yang terkini sebelum menggunakannya. Setiap pindaan perlu diluluskan oleh Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan dibuktikan dengan tandatangan, tarikh serta cop jawatan pada Rekod Pindaan Garis Panduan.

2.4 Penyebaran dokumen

Dokumen ini disediakan untuk semua Pegawai Pemeriksa yang bertanggungjawab ke atas permohonan import/ eksport/ eksport semula spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga Akta 686.

Garis panduan ini hanya diedarkan kepada pemegang salinan yang sah untuk memastikan bahawa apabila ada perubahan ke atas garis panduan ini, semua pemegang salinan akan menerima setiap perubahan yang dibuat. Pemegang salinan garis panduan adalah seperti berikut:

- 2.4.1 Ketua Pengarah Pertanian;
- 2.4.2 Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori);
- 2.4.3 Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT);
- 2.4.4 Ketua Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport, BBT;
- 2.4.5 Pegawai Pertanian Kuasa Usaha, BBT Negeri Johor;

- 2.4.6 Ketua Unit Perakuan Fitosanitasi & CITES, BBT Kuala Lumpur;
- 2.4.7 Pegawai Pertanian Kuasa Usaha BBT Kelantan;
- 2.4.8 Pegawai Pertanian Kuasa Usaha BBT Negeri Pulau Pinang;
- 2.4.9 Ketua Pejabat Unit Biosekuriti Tumbuhan Cameron Highlands;
- 2.4.10 Ketua Pejabat Unit Biosekuriti Tumbuhan KLIA;
- 2.4.11 Ketua Pejabat Unit Biosekuriti Tumbuhan Labuan;
- 2.4.12 Laman web Jabatan Pertanian, www.doa.gov.my

3.0 PENGENALAN CITES

Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar yang Terancam atau *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) adalah merupakan satu kerjasama pelbagai negara di peringkat antarabangsa bagi melindungi spesies fauna dan flora yang terjadual daripada terancam pupus melalui perdagangan antarabangsa.

Perdagangan antarabangsa bagi spesies ini dibenarkan dengan pengeluaran Permit Import / Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) dan CITES.

Pengeluaran Permit Import / Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES adalah bertujuan untuk mengawal dan memantau aktiviti perdagangan di peringkat antarabangsa bagi spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga, Akta 686 supaya tidak terancam kepupusan.

4.0 PERMIT / SIJIL CITES

Permit / Sijil CITES yang dikeluarkan adalah merupakan pengesahan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkannya bahawa syarat-syarat untuk membenarkan perdagangan spesies terjadual CITES telah dipenuhi. Ini bermakna bahawa perdagangan antarabangsa spesies terjadual tersebut adalah sah, mampan dan boleh dikesan mengikut Konvensyen CITES.

Pihak Berkuasa Pengurusan CITES Kebangsaan atau Pihak Berkuasa setiap negara ialah pihak berkuasa yang mengeluarkan Permit / Sijil CITES atas nasihat daripada Pihak Berkuasa Saintifik CITES negara berkenaan. Semua negara yang menganggotai Konvensyen CITES telah bersetuju dengan format standard untuk Permit / Sijil CITES tersebut seperti yang telah ditetapkan.

Nombor siri yang dicetak pada Permit / Sijil CITES adalah bagi tujuan kebolehesanan sesuatu maklumat seperti pengesahan status ketulenan sijil dan maklumat mengenai pengeksport serta konsainan yang dieksport.

Nombor Sijil (Certificates Number) merupakan nombor permohonan yang berturutan semasa pengeksport membuat permohonan Permit / Sijil CITES dalam sistem. Contoh format nombor permohonan adalah seperti berikut:

22MY000001HQ di mana

- i. 22 merujuk kepada tahun permit/ sijil dikeluarkan;
- ii. MY merujuk kepada sijil ini dikeluarkan oleh NPPO Malaysia;
- iii. 000001 merupakan bilangan siri keluaran Permit / Sijil CITES
- iv. HQ merupakan kod kepada Pejabat Pengeluar yang mengeluarkan permit/ sijil berkenaan.

Kod-kod Pejabat Pengeluar yang sedang beroperasi:

- a. HQ – Pejabat BBT, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- b. PP – Pejabat BBT, Pulau Pinang
- c. HQ – Pejabat BBT, KLIA

- d. CH – Pejabat BBT, Cameron Highlands
- e. JB – Pejabat BBT, Johor Bahru
- f. KN – Pejabat BBT, Kelantan
- g. LB – Pejabat BBT, Wilayah Persekutuan Labuan

Setiap satu Permit / Sijil CITES terdiri dari empat salinan iaitu helaian asal warna putih, helaian pendua warna merah jambu, helaian peniga warna biru dan helaian pengempat warna kuning. Setiap helaian digunakan bagi tujuan berikut;

- a. Helaian asal dikemukakan kepada pihak kastam di Malaysia dan kastam di luar negara untuk pengesahan atau kelulusan.
- b. Helaian pendua hendaklah disahkan oleh Kastam Malaysia dan dikembalikan kepada Jabatan Pertanian.
- c. Helaian peniga adalah salinan untuk pemohon.
- d. Helaian pengempat adalah salinan Pejabat Pengeluar

Setiap Permit dan Sijil CITES yang dikeluarkan akan dilekatkan satu Setem Keselamatan di ruangan 13 permit / sijil berkenaan. Setem tersebut mempunyai nombor siri bagi tujuan keselamatan yang dibekalkan oleh Sekretariat CITES. Bagi mengelakkan penggunaan semula Setem Keselamatan, sebahagian daripada setem tersebut perlu ditandatangani oleh Pegawai Pelulus.

Permit dan Sijil CITES yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian adalah seperti **Lampiran 8a** (Permit Import), **Lampiran 8b** (Permit Eksport), **Lampiran 8c** (Sijil Eksport Semula) dan **Lampiran 5** (Permit Khas).

5.0 KUASA PERUNDANGAN

Jabatan Pertanian melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan merupakan Pihak Berkuasa Pengurusan (MA) yang bertanggungjawab bagi pengeluaran Permit dan Sijil CITES untuk tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Akta 686 dan pindaan Jadual Pertama dan Kedua Akta 686 P.U. (A) 294/2019.

Pegawai Pemeriksa seperti yang dilantik mengikut Seksyen 3 (3) Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) adalah juga merupakan Pegawai Penguat Kuasa seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Kedua, Seksyen 19, Akta 686. Pegawai berkenaan akan menjalankan fungsi dan tanggungjawab mengikut bidang kuasa yang telah diberikan di bawah undang-undang tersebut.

Akta 686 dan peraturan-peraturan di bawahnya memberi kuasa perundangan kepada Jabatan Pertanian sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan dan Penguat Kuasa bagi kawalan permohonan dan pengeluaran Permit atau Sijil CITES. Jabatan Pertanian akan menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang berkenaan.

Jabatan Pertanian juga mempunyai kuasa perundangan untuk tidak mengeluarkan Permit atau Sijil CITES bagi konsainan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya berlaku pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di bawah undang-undang ini, Jabatan Pertanian berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap semua pihak yang terlibat.

Selain peruntukan kuasa di bawah undang-undang berkenaan, Jabatan Pertanian juga melaksanakan bidang kuasa dalam proses permohonan dan pengeluaran Permit atau Sijil CITES selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen CITES.

6.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini hanya digunapakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Spesies tumbuhan daratan yang terlibat dengan garis panduan ini meliputi semua spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan dalam Jadual Ketiga, Akta 686. Senarai spesies terjadual ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa bergantung kepada keputusan Konvensyen CITES.

7.0 ETIKA KERJA PEGAWAI PEMERIKSA

7.1 Hubungan Dengan Pelanggan

Pegawai Jabatan Pertanian yang ditugaskan untuk menguruskan pengeluaran Permit dan Sijil CITES perlu mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Etika Perkhidmatan Awam.

Pegawai Pemeriksa mesti mematuhi dan mengamalkan sikap berikut:

- i. Profesionalisme - Berkhidmat dengan pelanggan tanpa sebarang prejudis, tanpa diskriminasi adil dan tidak bersikap berat sebelah;
- ii. Budaya kerja yang mulia dan sempurna - Bersopan-santun, mesra, suka membantu dan mudah dihubungi oleh pelanggan semasa berurusan pada waktu pejabat;
- iii. Berintegriti - Tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Pemeriksa dan memberikan keutamaan kepada kepentingan awam apabila berlaku konflik;
- iv. Akauntabiliti – Bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan permit dan sijil berdasarkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa, sebarang tindakan atau perbuatan yang dilakukan dan bersedia memberi penjelasan berhubung kewajaran tindakan tersebut diambil;

- v. Telus – Membuat keputusan yang bebas, melalui proses yang jelas dan nyata tanpa sebarang pengaruh peribadi;
- vi. Kerahsiaan - Berusaha untuk sentiasa memastikan segala data dan maklumat terperingkat tidak dikongsi, disebar atau diakses tanpa kebenaran.

7.2 Hubungan Sesama Rakan Sekerja dan Pihak Atasan

- i. Bekerjasama dengan rakan sekerja yang lain dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan;
- ii. Melaksanakan semua arahan pegawai atasan yang telah ditugaskan untuk menyelia, dengan syarat ia tidak bertentangan dengan peruntukan sedia ada atau peraturan atau mana-mana undang-undang yang berkaitan;
- iii. Mengelakkan dari terlibat dalam sebarang perkara yang boleh memihak kepada saudara-mara atau rakan-rakan dalam aktiviti yang berkaitan dengan urusan kerja rasmi;
- iv. Menggunakan saluran yang sesuai untuk menyuarakan rasa tidak puas hati atau untuk mengutarakan sesuatu perkara;
- v. Membantu dalam menyumbang pandangan, idea, usaha, tenaga kerja kepada pencapaian kerja; dan
- vi. Bersikap adil dan tanpa diskriminasi dengan mana-mana rakan sekerja berdasarkan bangsa, jantina, etnik atau sosial, warna kulit, umur, kecacatan, agama, fahaman politik, emosi, kepercayaan, budaya atau bahasa.

7.3 Prestasi Tugas dan Kewajipan Sebagai Pegawai Pemeriksa

- i. Berusaha untuk mencapai objektif Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan menitikberatkan kepentingan orang awam;
- ii. Menepati masa dalam melaksanakan tugas dan kewajipan;
- iii. Melaksanakan tugas-tugas secara profesional dan cekap;
- iv. Tidak terlibat dalam apa-apa tindakan atau membuat keputusan yang mempunyai unsur-unsur kepentingan peribadi;

- v. Jujur dan bertanggungjawab dalam menguruskan peruntukan kerajaan, menggunakan harta benda kerajaan (komputer, komputer riba, kenderaan pejabat dan sebagainya) dan lain-lain sumber secara berkesan, cekap serta hanya untuk tujuan urusan rasmi sahaja; dan
- vi. Melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan sebarang penipuan, rasuah, nepotisme, salah tadbir urus dan apa-apa tindakan lain yang menjadi kesalahan atau yang boleh memudaratkan kepentingan awam semasa menjalankan tugas rasmi sebagai Pegawai Pemeriksa.

7.4 Kelakuan dan kepentingan peribadi

- i. Berpakaian dan berkelakuan dengan cara yang menonjolkan reputasi baik penjawat awam semasa menjalankan kerja-kerja sebagai Pegawai Pemeriksa;
- ii. Tidak menggunakan kedudukan rasmi dan kuasa sebagai Pegawai Pemeriksa untuk mendapatkan hadiah atau faedah peribadi semasa menjalankan tugas rasmi termasuk tidak menerima apa-apa hadiah atau faedah yang boleh ditafsirkan sebagai RASUAH bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya;
- iii. Tidak mendedahkan apa-apa maklumat rasmi yang boleh diklasifikasikan sebagai SULIT dan RAHSIA untuk keuntungan peribadi atau keuntungan orang lain tanpa sebarang kebenaran.

8.0 DOKUMEN IMPORT/ EKSPORT/ EKSPORT SEMULA JABATAN PERTANIAN DI BAWAH CITES

Dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian termasuk:

- i. Permit Import CITES;
- ii. Permit Eksport CITES;
- iii. Sijil Eksport Semula CITES;

- iv. Permit Khas - Label untuk bahan saintifik;
- v. Lain-lain Sijil CITES (contoh Sijil Pembiakan Secara Buatan, Sijil Prakonvensyen CITES).

8.1 Permit / Sijil CITES

Permit / Sijil CITES merupakan dokumen yang diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/ eksport/ eksport semula spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga, Akta 686 (**Lampiran 2: Jadual Ketiga: Spesies Terjadual**).

8.2 Permit Khas

Permit Khas diperlukan oleh pelanggan untuk aktiviti import/ eksport/ eksport semula spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan di bawah Jadual Ketiga, Akta 686 bagi tujuan penyelidikan di antara institusi yang berdaftar dengan Sekretariat CITES (**Lampiran 5: Contoh Permit Khas**).

9.0 PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES

9.1 Kaedah Permohonan

- i. Permohonan Permit Import / Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES bagi spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem MyPhyto di laman web <http://myphyto.gov.my> ;
- ii. Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak;
- iii. Dokumen atau maklumat tambahan/ sokongan yang diperlukan oleh Jabatan Pertanian hendaklah dimuatnaik oleh pemohon;

- iv. Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) hari bekerja sebelum pemeriksaan fizikal konsainan dilakukan.

9.2 Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Permit/ Sijil CITES

Dokumen yang diperlukan bagi permohonan permit/ sijil CITES adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Dokumen Yang Diperlukan Bagi Permohonan Permit dan Sijil CITES

Permohonan	Appendiks I	Appendiks II	Appendiks III
Import	i. Salinan Sijil Pembiakan Secara Buatan atau; ii. Salinan Permit Eksport dari negara pengeksport nombor rujukan pendaftaran nurseri yang berdaftar dengan Sekretariat CITES mesti dinyatakan di Sijil/ Permit Eksport.	i. Salinan Permit Eksport dari negara pengeksport.	
Eksport	i. Permit Import dari negara pengimport; ii. Salinan Sijil Pendaftaran Nurseri dengan Jabatan Pertanian; dan iii. Nombor rujukan pendaftaran nurseri dengan Sekretariat CITES.	i. Salinan Sijil Pendaftaran Nurseri dengan Jabatan Pertanian.	
Eksport Semula	i. Salinan Permit Import yang telah disahkan oleh Jabatan Pertanian; ii. Permit Import dari negara pengimport; iii. Permit Eksport yang dikeluarkan oleh negara asal atau perakuan untuk mengeksport semula daripada negara pengesksport, jika berkenaan.	i. Salinan Permit Import yang telah disahkan; ii. Permit Eksport yang dikeluarkan oleh negara asal atau perakuan untuk mengeksport semula daripada negara pengesksport, jika berkenaan.	

Nota

Dokumen tambahan yang menyokong import/ eksport/ eksport semula

- a. Salinan invois pengeksport.
- b. Resit Jual Beli.

9.3 Panduan Kod bagi Permohonan Permit dan Sijil CITES

Dalam proses permohonan Permit dan Sijil CITES, pemohon adalah diminta untuk memastikan membuat pilihan yang betul dan tepat tentang tujuan dan sumber dari mana spesimen yang dipilih itu diperolehi. Pilihan tentang tujuan dan sumber spesimen adalah berdasarkan kod-kod tertentu yang diwakili oleh abjad tertentu seperti di **Lampiran 13**.

10.0 PEMERIKSAAN BAGI PERMOHONAN PERMIT EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES

- i. Pegawai Pemeriksa akan membuat pemeriksaan fizikal konsainan bagi permohonan Permit Eksport / Sijil Eksport Semula CITES yang lengkap.
- ii. Pemohon boleh menentukan sama ada pemeriksaan dijalankan di Pejabat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan atau di premis pemohon sendiri.
- iii. Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan tempat, tarikh dan masa eksport konsainan sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum tarikh dan masa pemeriksaan.
- iv. Sebarang pindaan terhadap tempat, tarikh dan masa pemeriksaan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Pertanian dengan segera.
- v. Pemohon dikehendaki hadir di tempat pemeriksaan tepat pada masanya. Sekiranya pemohon tidak dapat hadir, pemohon boleh melantik agen atau wakil secara bertulis.

- vi. Kesemua konsainan hendaklah ditunjukkan semasa pemeriksaan dijalankan.
- vii. Pemohon hendaklah mengemukakan semua dokumen asal yang berkaitan semasa pemeriksaan dijalankan.
- viii. Pemohon perlu memastikan penghantaran spesimen CITES tidak menjejaskan kemandirian (survivality) spesimen tersebut.
- ix. Penghantaran konsainan melalui udara untuk tujuan eksport atau eksport semula perlu mematuhi kaedah pembungkusan konsainan yang ditetapkan oleh *International Air Transport Association* (IATA).
- x. Konsainan yang telah diperiksa akan dilekatkan **Label Keselamatan - “INSPECTED” (Lampiran 3: Label Keselamatan)** dan tidak boleh dibuka semula oleh pemohon atau agen.

11.0 KELULUSAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES

- i. Pegawai Pemeriksa akan menyemak/ memverifikasi permohonan dan atau pemeriksaan konsainan tersebut untuk pengesyoran kepada Pegawai Pelulus;
- ii. Pegawai Pelulus akan menyemak/ mengesahkan pengesyoran permohonan dari Pegawai Pemeriksa;
- iii. Selepas pemeriksaan dijalankan dan kesemua syarat dipatuhi, permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Permohonan akan ditolak sekiranya tidak mematuhi syarat tersebut;
- iv. Pemohon mesti membuat pembayaran secara atas talian atau manual (pejabat tertentu); dan

- v. Permit Import/ Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES bagi spesies terjadual tumbuhan daratan yang dibiakkan secara buatan akan dikeluarkan setelah pemohon membuat bayaran.

Prosedur Pengeluaran Permit atau Sijil CITES boleh merujuk kepada Carta Alir Proses Permohonan Permit Import (**Lampiran 7a**) / Eksport (**Lampiran 7b**) dan Sijil Eksport Semula (**Lampiran 7c**) CITES Bagi Tumbuhan Daratan Yang Dibiakkan Secara Buatan.

12.0 KADAR BAYARAN PENGELUARAN PERMIT DAN SIJIL CITES

Bayaran dikenakan bagi pengeluaran Permit dan Sijil CITES adalah mengikut Jadual Pertama, Peraturan Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran Dan Fi) 2009.

- i. Permit Import CITES - RM50.00/ permit;
- ii. Permit Eksport CITES - RM50.00/ permit;
- iii. Sijil Eksport Semula CITES - RM50.00/ sijil;
- iv. Sijil Pembiakkan Secara Buatan – RM50.00/ sijil.

Pembayaran hanya boleh dibuat secara atas talian atau manual menggunakan Wang Pos/ Bank Deraf/ Tunai di pejabat yang berkenaan.

13.0 SAH LAKU PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES

- i. Setiap Permit dan Sijil CITES [contoh permit import (**Lampiran 8a**), permit eksport (**Lampiran 8b**) dan sijil eksport semula (**Lampiran 8c**)] adalah sah digunakan untuk satu pengeksportan/pengimportan sahaja;
- ii. Tempoh sah laku Permit dan Sijil CITES adalah selama enam (6) bulan dari tarikh kelulusan;

- iii. Tempoh sah laku Permit dan Sijil CITES tidak boleh dilanjutkan;
- iv. Permit dan Sijil CITES mesti ditandatangani oleh Pegawai Pelulus;
- v. Permit dan Sijil CITES yang dikeluarkan tidak boleh dipindah milik kecuali dibenarkan oleh Jabatan Pertanian; dan
- vi. Sebarang pindaan ke atas Permit dan Sijil CITES tidak dibenarkan.

14.0 PEMBATALAN PERMIT IMPORT/ EKSPORT DAN SIJIL EKSPORT SEMULA CITES

Permit dan Sijil CITES yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas kepentingan negara. Sebarang pembatalan akan dimaklumkan kepada pemohon, tanpa mengembalikan bayaran yang telah dikenakan kepada pemohon. Pihak pemohon hendaklah dengan segera menyerahkan kembali Permit dan Sijil CITES kepada Jabatan Pertanian. Jika pemohon ingkar arahan di atas, pemohon boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 17 (4) Akta 686.

15.0 KONSAINAN IMPORT / EKSPORT

15.1 Pengimportan Konsainan CITES

- i. Pengimport hendaklah mengisytiharkan semua dokumen yang berkaitan dengan pengimportan konsainan spesimen CITES kepada pegawai penguat kuasa yang diberi kuasa di bawah Jadual Kedua, Akta 686 yang berada di pintu masuk rasmi yang dibenarkan (**Lampiran 4a: Senarai Pintu Masuk Rasmi Yang Dibenarkan**).
- ii. Pegawai penguat kuasa perlu mengesahkan dokumen permit eksport/ sijil eksport semula dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan terhadap konsainan spesimen CITES.

- iii. Pemeriksaan terhadap konsainan spesimen CITES dijalankan oleh pegawai penguat kuasa dan konsainan tersebut boleh dilepaskan jika mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Sekiranya tidak mematuhi syarat, maka tindakan ditahan, dirampas atau dihantar balik ke negara asal boleh diambil terhadap konsainan tersebut.
- iv. Pegawai penguat kuasa perlu menyerahkan dokumen asal CITES kepada Jabatan Pertanian selepas proses pengimportan.
- v. Sekiranya didapati berlaku pemalsuan pengimportan spesimen CITES, pegawai penguat kuasa akan membuat laporan kepada polis serta kes akan diserahkan kepada Jabatan Pertanian.

15.2 Pengeksportan Konsainan CITES

- i. Pengeksport hendaklah menyerahkan Permit / Sijil CITES kepada pegawai penguat kuasa untuk pengesahan di ruangan 14 dan 15 di pintu keluar rasmi yang dibenarkan (**Lampiran 4b: Senarai Pintu Keluar Rasmi Yang Dibenarkan**).
- ii. Perkara yang berkaitan untuk pengesahan kuantiti dan spesimen, tandatangan pegawai berkenaan dan dicop rasmi telah dipenuhi. Rujuk contoh permit import (**Lampiran 8a**), permit eksport (**Lampiran 8b**) dan sijil eksport semula (**Lampiran 8c**).
- iii. Pegawai penguat kuasa yang boleh menandatangani ruang kotak 14 dan 15 pada Permit Import/ Eksport/ Sijil Eksport Semula CITES adalah Pegawai Penguat Kuasa CITES di Jabatan Pertanian/ Pegawai Penguat Kuasa MAQIS dan KASTAM di semua pintu masuk negara untuk tujuan pengesahan.
- iv. Jabatan Pertanian tidak akan bertanggungjawab ke atas perkara yang boleh menggagalkan proses eksport akibat dari kegagalan pemohon atau agen mematuhi syarat-syarat pengeksportan.

16.0 SENARAI SEMAK UNTUK KELULUSAN

A. Import

- i. Semua dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2**, Perkara 9.2 telah dipenuhi.
- ii. Dokumen telah disahkan.

B. Eksport/ Eksport Semula

- i. Semua dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2**, Perkara 9.2 telah dipenuhi;
- ii. Dokumen telah disahkan.
- iii. Jika permohonan eksport membabitkan spesimen dari pembiakan secara buatan daripada Apendiks I (Jadual Ketiga, Akta 686), ianya mestilah diperolehi daripada nurseri yang berdaftar dengan Urus Setia CITES di Geneva.
- iv. Jika permohonan eksport membabitkan spesimen dari pembiakan secara buatan daripada Apendiks II dan III (Jadual Ketiga, Akta 686), ianya mestilah diperolehi daripada nurseri yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian.
- v. Pemeriksaan ke atas konsainan yang akan dieksport dan eksport semula telah dijalankan dan memenuhi syarat.

17.0 PEJABAT PENGELUAR PERMIT CITES DAN PHYTO

Pejabat Pengeluar Permit Import/ Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: Senarai Pejabat Pengeluar Permit CITES dan Phyto

Bil	Nama dan Alamat Pejabat	No Telefon/ Faks/ Email
1	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Tingkat 1-3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin, 50632 Kuala Lumpur	Tel : +603-2030 1400 Faks : +603-2697 7164 Email : productmyphyto@gmail.com
2	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Johor, 256 Jalan Abdul Samad, 80100 Johor Bahru, Johor	Tel : +607-2239 395 Faks : +607-2239 398
3	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Kelantan, Kompleks Pertanian Lundang, 15990 Kota Bharu, Kelantan	Tel : +609-7440 508 Faks : +609-7434 635
4	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Pulau Pinang, Kompleks Pertanian Bumbung Lima, Kepala Batas, Seberang Perai, 13200 Pulau Pinang	Tel : +604-5752 641 Faks : +604-5754 452
5	Unit Biosekuriti Tumbuhan Cameron Highlands, Kompleks Pertanian Cameron Highlands, 39000 Tanah Rata Cameron Highlands, Pahang	Tel : +605-4901 100 Faks : +605-4912 004
6	Unit Biosekuriti Tumbuhan KLIA, Jalan Pekeliling 4, Zon Selatan, 64050 KLIA Sepang, Selangor	Tel : +603-8787 3601 Faks : +603-8787 3599
7	Unit Biosekuriti Tumbuhan Labuan, D/A Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan Jalan Bukit Kuda, Kg. Kilan Peti Surat 81163, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.	Tel : +6087-468 513 Faks : +6087-463 831

18.0 PENUTUP

Penyediaan Garis Panduan Pengeluaran Permit Import/ Eksport Dan Sijil Eksport Semula Spesies Terjadual Tumbuhan Daratan Yang Dibiakkan Secara Buatan ini diharap dapat memastikan urusan permohonan Permit Import/ Eksport dan Sijil Eksport Semula CITES dapat dilakukan dengan lebih baik dan cekap. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk menambah baik sistem penyampaian Jabatan Kerajaan serta menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan cekap kepada pelanggan yang berurusan dengan Jabatan Pertanian khususnya dan Kerajaan Malaysia amnya.

19.0 RUJUKAN

1. Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008 (Akta 686).
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
3. Etika Perkhidmatan Awam.
4. Garis Panduan Pengeluaran Sijil Fitosanitasi.
5. Manual Pengguna Sistem MyPhyto.
6. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam.
7. Peraturan – Peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran Dan Fi) 2009.
8. Peraturan – Peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Pusat Menyelamat) 2009.
9. Pindaan Jadual Pertama dan Kedua Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686).
10. Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) Import/ Eksport/ Eksport Semula Tumbuhan Daratan dan Air Tawar di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686)
11. Teks Konvensyen CITES.
12. <https://cites.org/eng/disc/text.php>
13. http://www.doa.gov.my/index/resources/perkhidmatan/permit/akta_686.pdf
14. <https://CITES.org/eng/app/appendices.php>
15. <https://speciesplus.net>
16. <https://www.orchidweb.com/orchids/vandaceous/species/renanthera-imschootiana>
